


# Tegar **MERDEKHA**

## Naratif Politik dan Bangsa

*KU HASNAN KU HALIM*



09595  
K



Penerbit  
**UTHM**



BERDANA  
LEADERSHIP  
FOUNDATION  
YAYASAN  
KEPERMUKAAN  
KEPIMPINAN



# Tegar MERDEKHA

## Naratif Politik dan Bangsa



*KU HASNAN KU HALIM*



  
**Penerbit  
UTHM**  
2025

©Penerbit UTHM  
Cetakan Pertama 2025

Hak cipta terpelihara. Dilarang mengeluarkan mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan kandungan buku ini dalam sebarang bentuk elektronik, fotokopi mekanik, rakaman atau sebarang bentuk lain tanpa kebenaran bertulis daripada Pejabat Penerbit Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), 86400 Parit Raja, Batu Pahat, Johor Darul Ta'zim, Malaysia. Sebarang rundingan tertakluk kepada pengiraan royalti.

Penulis:  
Ku Hasnan bin Ku Halim

Diterbitkan oleh:  
Penerbit UTHM  
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia  
86400 Parit Raja,  
Batu Pahat, Johor  
Tel: 07-453 8529/ 8698

Dicetak oleh:  
Percetakan Ilham Selatan,  
No.10, Jalan Perdagangan 16,  
Taman Universiti,  
81300 Skudai, Johor.  
Tel: 017-7779313

Laman Web: <http://penerbit.uthm.edu.my>  
E-mel: [pemasaran.uthm@gmail.com](mailto:pemasaran.uthm@gmail.com)  
<http://e-bookstore.uthm.edu.my>

Penerbit UTHM adalah ahli  
Majlis Penerbitan Ilmiah Malaysia (MAPIM)



Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Perpustakaan Negara Malaysia

Rekod katalog untuk buku ini boleh didapati  
dari Perpustakaan Negara Malaysia

ISBN 978-629-490-143-8

# ISI KANDUNGAN

<i>Pena Menari</i>	<i>vii</i>
<i>Prakata</i>	<i>ix</i>
Siasah Negara Bangsa	1
Pembinaan Negara Berdasarkan Teori	13
Pengertian Politik dalam Kehidupan Berbangsa	35
Orang Melayu-Sejarah Awal Sebagai Penduduk Asal	51
Zaman Suram Kemelut Penjajahan Cabaran dan Dugaan	63
Perang Dunia dan Dinamisme Perjuangan Mahardhika	71
Sejarah Siasah Kenegaraan	75
Darurat; Era Stabil-Tegang	95
Perjuangan Siasah Melayu Pra-Merdeka	105
Pembugaran Gerakan Kesatuan Melayu	113
Munculnya Intipati politik Melayu	115
Ketuanan Melayu: Respons dan Persepsi	193
<i>Bibliografi</i>	213
<i>Biografi Penulis</i>	217
<i>Indeks</i>	219



# PENA MENARI

Dunia penulisan sebagai budaya-sepatah perkataan boleh mengubah dunia.....

Berfikir sesaat lebih baik dari solat sunat seribu rakaat

Fajar 2025 menjelma meninggalkan jauh bening senja merah 2024 dengan seribu macam kisah suka dan duka. Yang pastinya kepada insan yang berjiwa pejuang, hidup itu perlu diteruskan walaupun mati itu pasti. Atas nama cinta itulah juga terlahir kita untuk melihat dunia ini.

Keintelektualan Ibnu Khaldun melalui buku *Muqadimahny*a bukan sahaja berguna kepada bumi Arab tetapi telah membuka ruang kepada berkembangnya pemikiran tamadun manusia. Auguste Comte menyajikan *teori fungsionalny*a, Karl Marx dengan *teori konflikny*a, Durkheim, Weber, Sigmund Freud dan lain-lain lagi yang tulisan mereka sehingga hari ini terus dikaji. Dunia kini semakin maju, menulis kini bukan sekadar di atas kertas tetapi juga di media maya internet yang memudahkan maklumat disebarakan dengan cepat dan pantas.

Mari kita gerakkan budaya menulis walaupun terpaksa menulis sedikit dari kehidupan kita. Kebijaksanaan dan kepandaian tidak akan mendatangkan apa-apa jika kita tidak membuktikan melalui tulisan. Mungkin sesetengah dari kita beranggapan usaha-usaha seperti ini nampak sukar dan tegang untuk dilakukan tetapi berita baiknya adalah semua kesukaran itu akan cair seperti matahari yang memancar sinar dari atas terhadap daun yang lembab dan basah.

Pengetahuan itu adalah kuasa dan kurniaan. Dan anugerah itu tidak dapat dicabut dari seseorang dengan sewenang-wenangnya. Biarlah tulisan kita akan kekal selama-lamanya dan sejarah akan menghakiminya serta putih akan mengatasi hitam akhirnya.

Ilmu bukan jaminan untuk hidup senang tapi untuk kita bina hidup bermaruah agar tidak ditindas oleh orang yang bijak pandai. Ilmu juga bukan tiket untuk meraih kemewahan tapi untuk kita jadi bangsa berdaulat agar tidak dijajah sekali lagi.

**KU HASNAN KU HALIM**

# PRAKATA

---

Alhamdulillah setinggi-tingi kesyukuran ke hadrat Allah SWT dengan taufik dan hidayahn-ya buku kecil **TEGAR MERDEKHA: NARATIF POLITIK DAN BANGSA** telah dapat diterbitkan dengan jayanya. Buku ini ditulis dengan mengetengahkan isu-isu yang dibincangkan yang mana merupakan topik-topik relevan untuk dijadikan bahan bacaan dan rujukan pelajar serta masyarakat umum yang menyintai dan kasih kepada negara Malaysia.

Sebagai penulis, saya ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada semua pihak di atas sokongan dan kerjasama sama ada secara langsung ataupun tidak sehingga buku ini mampu untuk diterbitkan.

Akhir kata, diharapkan buku ini dapat memberi manfaat kepada semua pembaca dan diterima oleh Allah SWT sebagai amal jariah. Sekian.

**KU HASNAN BIN KU HALIM**



# SIASAH NEGARA BANGSA

**P**olitik merupakan suatu pengkajian mengenai interaksi manusia dengan kerajaan berhubung pengagihan kuasa serta penyelesaian konflik berkepentingan. Ia didefinisikan sebagai proses pengagihan sumber yang terhad, melibatkan kuasa dan autoriti dan tindakan yang berkaitan dengan institusi kerajaan.

Kerajaan didefinisikan sebagai rangkaian institusi-institusi yang mentadbir negara selain daripada alat serta jentera yang berfungsi untuk mencapai matlamat, dasar serta cita-citanya. Negara pula, merujuk kepada sebuah organisasi kumpulan bermasyarakat dan berbudaya politik, iaitu negara sebagai satu kumpulan orang yang menghuni satu kawasan tetap, bebas daripada kawalan luar serta memiliki satu kerajaan tersusun yang menerima ketaatan tabii daripada sebahagian besar penduduknya.

Negara juga melibatkan seluruh anggota ahlinya manakala kerajaan melibatkan sebahagian kecil penduduknya. *Oxford Dictionary* mendefinisikan politik sebagai keterlibatan dalam aktiviti politik, menggunakan kuasa dalam kehidupan umum, boleh mempengaruhi sesuatu keputusan yang memberi kesan

kepada negara dan masyarakat. Manakala kerajaan merupakan sekumpulan manusia yang bertanggungjawab mengawal negara dan kerajaan.

## Sains Sosial dan Sains Politik

Sains sosial didefinisikan sebagai satu gumpalan ilmu yang bersepadu berkaitan dengan asal usul dan perkembangan masyarakat manusia, institusi-institusi, hubungan dan idea yang terlibat dalam kehidupan manusia. Inilah disiplin ilmu yang mengkaji bentuk hubungan manusia dan masyarakatnya. Kepelbagaian dalam sains sosial dicerminkan menerusi pelbagai disiplin ilmu, antaranya antropologi, sosiologi, sains politik, ekonomi, sejarah, undang-undang dan psikologi sosial. Plato (427-347 SM) dan Aristotle (384-322 SM) menggunakan analisis deskriptif membahaskan aspek politik dan pemerintahan, ekonomi dan moral.

Sains politik sifatnya mengkaji bagaimana cara manusia diperintah manakala alat-alat pemerintahan digunakan untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi. Menurut Wan Abdul Rahman Wan Latif (1999), asal usul sains politik moden iaitu Saint Simon (1760-1825) yang mencadangkan bahawa moral dan politik perlu dilihat sebagai positif iaitu sesuatu yang objektif bukan subjektif. Dalam memahami permasalahan sains politik, beberapa pendekatan diambil kira. Antara pendekatan ialah falsafah, institutionalisme, behaviorisme, pluralism, developmentalisme, strukturalisme, fungsi struktur, liberalisme, sistem, komunikasi, ekonomi politik, pembentukan keputusan dan pendekatan konflik.

Pendekatan falsafah sangat diperlukan terutama bagi merungkai permasalahan yang berkaitan dengan manusia. Antara isu yang diperdebatkan dalam konteks falsafah (politik) ialah pengkajian tentang hal-hal yang berkaitan dengan manusia serta menekankan hal-hal pembentukan moral, kewibawaan masyarakat terhadap politik, pembelajaran tentang tujuan dan mengatasi masalah keadilan yang semakin didesak. Ini merupakan kajian mengenai pemikiran tentang hal-hal yang berkaitan dengan politik serta

dipengaruhi sifat peribadi serta keinginan. Falsafah politik zaman Yunani sering dikaitkan dengan keadilan, pemerintah dan pemerintahan terbaik. Contoh falsafah politik masyarakat Yunani ialah tanggapan bahawa sejarah berputar-putar berlaku akibat keruntuhan nilai-nilai politik. Aristotle berpendapat pemerintahan terbaik ialah monarki, tetapi berubah kepada tirani kemudian autokrasi seterusnya kepada oligarki, demokrasi dan anarki secara bergilir. Pendapat ini diterima pada zaman pencerahan tetapi ditentang oleh Karl Marx. Marx berpendapat bahawa fasa prakomunis adalah bukan yang terbaik kerana manusia masih belum bertamadun. Menurutnya, kehidupan manusia dimulakan dengan fasa perhambaan berubah kepada feudalisme, kapitalisme serta komunisme. Komunisme sangat bermusuhan dengan kumpulan kapitalis. Dalam kapitalis, mereka membahagikan puak manusia kepada golongan borjuis dan proletar.

Pendekatan institutionalisme mengambil kira struktur formal dalam sesebuah negara. Tujuannya adalah untuk meninjau sistem demokrasi yang dipraktikkan dalam mana-mana negara. Pendekatan institusi dimulakan Aristotle dan dipopularkan Montesquieu melalui tulisan "*The Spirit of Law*". Beliau membuat pemerhatian terhadap pembahagian kuasa antara institusi di Eropah serta England.

Padanya, corak pemerintahan mutlak dapat dibendung sekiranya ketiga-tiga institusi pemerintahan diasingkan. Bidang kuasa yang tidak diasingkan boleh menyebabkan munculnya pemerintah yang bersifat mutlak serta menguasai institusi-institusi politik. Beberapa orang penyelidik seperti Bagewhot, Bryce dan Finer membuat tinjauan terhadap sistem politik dan demokrasi yang diaplikasi di negara kita dan mendapati wujud unsur institusi. B. Guy Peters berpendapat bahawa pendekatan institusi merupakan sifat terpenting yang perlu digunakan bagi menerangkan sebarang proses pembentukan keputusan politik.

Pendekatan seterusnya behaviorisme, iaitu melihat tingkah laku sebenar manusia dalam proses politik. Woodrow Wilson dan Frank Goodnow dari Amerika Syarikat mengkaji secara empirik

**TEGAR MERDEKHA:  
NARATIF POLITIK DAN BANGSA**

tentang tingkah laku individu serta kumpulan yang disertai. Pendekatan ini juga memberi perhatian kepada aspek pengagihan kekayaan negara dan bahan-bahan bernilai, menerima bantuan serta mengenal pasti ketidakstabilan yang wujud. Bertitik tolak dalam soal pengagihan kekayaan serta kuasa untuk kepentingan siapa, ia menekankan kemajuan perubahan politik dunia termasuklah konflik kuasa yang melanda pemerintahan sesebuah negara. Umumnya pendekatan yang memberi perhatian terhadap tingkah laku sebenar manusia dalam proses politik lebih bercorak saintifik kerana mengkaji secara empirik tingkah laku individu. Behaviorisme menerangkan realiti politik berdasarkan pengaruh individu. Perhatian diberikan kepada kaedah-kaedah penyelidikan, analisis teratur dan penghasilan teori-teori yang dapat digunakan untuk penyelidikan seterusnya.

Pluralism merupakan sebuah kerangka di mana beberapa kelompok yang bertoleransi serta berinteraksi antara satu sama lain. Mereka hidup bersama tanpa konflik asimilasi serta merupakan ciri masyarakat moden. Pluralisme merupakan pengemudi utama kemajuan dalam bidang pengetahuan, masyarakat dan perkembangan ekonomi. Penaja kumpulan ini berpendapat wujud banyak kumpulan yang mempengaruhi proses politik. Antaranya pertubuhan buruh, agama, parti-parti politik, elit perniagaan dan elit perniagaan yang melakukan desakan ke atas pemerintah. Robert A. Dahl dan Nelson W. Polsby menganggap persaingan adalah baik demi perubahan.

*Developmentalisma* merupakan salah satu pendekatan yang memberikan perhatian kepada perubahan sosioekonomi dan politik. Selain itu, pendekatan ini juga memberi perhatian terhadap aspek-aspek pembaharuan, inovasi serta kemajuan perubahan politik. Ini bertepatan dengan konsep neo-liberalisme merupakan kepentingan negara maju khususnya Amerika Syarikat dalam mempertahankan hegemoni ekonomi. Developmentalisme merupakan lanjutan program pemulihan ekonomi Dunia Ketiga yang bertujuan membendung pengaruh komunisme. Bagi menyekat komunisme, maka cara yang terbaik adalah melalui pembangunan ekonomi yang berjaya serta mapan.

Tokoh seperti Hobbes (1588-1679), Locke (1632-1704) dan Rousseau (1712-1778) menggunakan “struktur” bagi memahami fenomena politik secara khusus. Ia khusus merujuk kepada struktur politik negara. Pendekatan strukturalisme menganggap struktur sistem politik lebih penting daripada tingkah laku anggota. Kewujudan pelbagai unit kecil lebih bermakna jika terjalin hubungan antara unit politik dan sosial lain. Ia memerhatikan punca struktur politik sebenar yang mempengaruhi tindak-tanduk politik.

Pendekatan fungsi struktur merupakan sistem sosial yang bertindak memenuhi fungsi tertentu. Talcott Parson menyatakan terdapat empat jenis fungsi. Pertama bertujuan memelihara, meneruskan dan mengekalkan corak hidup dan sistem sosial yang sedia ada. Kedua, berfungsi menyesuaikan dengan keadaan yang sentiasa berubah sama ada alam sekeliling mahupun perubahan kepada manusia itu sendiri. Ketiga, fungsi integrasi ataupun fungsi menjalankan tugas-tugas dan tanggungjawab yang berlainan. Keempat, menentukan agar matlamat jangka panjang tertentu tercapai.

Penyelidik lain seperti Davis Easton, Ernest Nagel dan William C. Mitchell menggariskan beberapa fungsi. Antaranya setiap pemimpin memainkan peranan dalam proses politik manakala pemimpin sememangnya tidak boleh hidup atau beroperasi secara sendiri. Fungsi kriteria merangkumi sesuatu institusi, aktiviti atau kegunaan serta tingkah lakunya. Pendekatan fungsi struktur menjelaskan hubungan antara struktur dan fungsi institusi-institusi pemerintahan dan tidak mampu menjelaskan sebab-sebab perubahan politik dan bentuknya berlaku di sesebuah negara. Pendekatan ini didapati kurang berkesan dalam meramalkan kejadian yang akan berlaku seterusnya dalam sesebuah negara yang diselidik manakala hanya sesuai untuk menyelidik beberapa negara yang sudah mencapai tahap pembangunan yang tinggi.

Pendekatan liberalisme penting dalam memahami tingkah laku politik terutama melibatkan hubungan antarabangsa. Liberalisme moden mempunyai maksud tersurat iaitu kekebalan individu daripada campur tangan pihak berwibawa sebuah order sosial, jaminan tidak diganggu sesiapa, di samping kebebasan serta

kemerdekaan individu. Ia bermaksud seseorang bebas daripada campur tangan seseorang sewaktu seseorang berusaha mencapai objektifnya sendiri. Dalam konteks hubungan antarabangsa, pendekatan liberalisme membuat penelitian berhubung interaksi antara negara, selain negara itu sendiri sebagai unit analisis utama.

Antara pertimbangan asas pendekatan liberal ialah tingkah laku rasional dan keselamatan kolektif berdasarkan ciri kepentingan bersama. Mohd Yaakop, M. R. (1999) mengetengahkan tiga model dalam pembentukan dasar luar terutama yang berlaku di Malaysia, iaitu Model Aktor Rasional, Model Inkremental dan Model Perancangan Strategik. Model Aktor Rasional menitikberatkan fikiran dan proses pembelajaran sebagai kaedah utama membuat keputusan. Model Inkremental bermaksud wujud pemilihan polisi-polisi yang terhad dan setiap *alternative* menyumbang ke satu perubahan yang kecil dalam status quo manakala Model Perancangan Strategik mengakui dan mengenali realiti sistem antarabangsa yang dinamik dan kompleks.

Pendekatan realis sangat berkait khususnya apabila melibatkan hubungan antarabangsa. Paradigma realis mendominasi pemikiran pembuat keputusan untuk meneliti tingkah laku politik dalam hubungan antarabangsa. Elemen utama realism ialah negara, yang merupakan *actor* utama dalam politik antarabangsa dan wakil sah kehendak kolektif, keutamaan pemimpin negara ialah kelangsungan negara serta bantu diri sendiri merupakan prinsip utama tindakan dalam sistem anarki yang tidak mempunyai sebarang kerajaan global.

Pendekatan sistem digunakan bagi memahami realiti politik masa kini. Kajian Vilfredo Pareto (1848-1923) dari Itali yang menggunakan kaedah "Logico- experimental" melihat masyarakat sebagai suatu sistem yang bergerak ke arah keseimbangan. Kaedah tersebut menekankan peri pentingnya ketertiban, perubahan dan pencapaian matlamat agar mengarah kepada sesuatu yang seimbang. Karl W. Deutsch berpendapat bahawa semua sistem politik memerlukan rangkaian dalam komunikasi. Sistem politik akan berjaya mengatasi masalah sistem jika ada hubungan

komunikasi antara sistem iaitu menggunakan pendekatan komunikasi. Semua sistem politik memerlukan kawalan ke atas sumber maklumat. Kerajaan merupakan institusi yang mengemudi negara berdasarkan maklumat yang ada padanya.

Suasana ekonomiserta pengagihankekayaan negaramempengaruhi proses dan bentuk negara. Ini bermakna sikap rakyat terhadap kerajaan dipengaruhi kedudukan ekonomi rakyat. Pendekatan ekonomi politik mengandaikan bahawa kestabilan politik adalah bergantung pada kecekapan kerajaan untuk mengatasi masalah kekurangan peluang dan kemunduran ekonomi. Pendekatan ini mempunyai tiga elemen iaitu pertama memberi tumpuan kepada negarawan yang bergiat bagi memberi keselesaan kepada rakyat, kedua, semua lapisan masyarakat terlibat dalam persaingan kerana dikongkong oleh ragam pengeluaran, ketiga, mengaitkan kedudukan ekonomi sesebuah negara dengan proses politik yang berkaitan dengan pengagihan nilai-nilai.

Pendekatan pembentukan keputusan lebih bersifat minor. Pendekatan yang dimajukan oleh Charles E. Lindblom, Thomas Dye serta beberapa sarjana lain ini memberi tumpuan kepada tindakan politik yang menghasilkan keputusan atau dasar awam. Pendekatan menganggap tindakan penghasilan dasar awam sebagai suatu proses yang melibatkan pelbagai pihak bagi mempengaruhi sesuatu dasar. Pendekatan konflik pula mengandaikan bahawa semua kegiatan politik melibatkan konflik, iaitu antara pelbagai golongan yang ingin menjamin agar kepentingan dan nilai mereka sentiasa dijaga. Mereka mengandaikan semua nilai dan kepentingan adalah terhad serta pelbagai kumpulan dalam masyarakat sentiasa bersaing untuk mendapatkan ganjaran dan nilai yang terhad itu.

## SAINS POLITIK DENGAN DISIPLIN PENGAJIAN SOSIAL

Dalam kalangan ilmu sains sosial yang berkait rapat dengan sains politik seperti sejarah, falsafah, sosiologi, antropologi, ekonomi dan geografi, dapat dilihat bahawa ilmu sejarah sangat dekat hubungan dengan ilmu politik. Mengikut Herodotus, sejarah adalah satu

kajian untuk menceritakan jatuh banggunya seseorang tokoh, masyarakat serata sesuatu peradaban. Sementara itu, Aristotle pula mendefinisikan sejarah sebagai satu sistem yang mengira kejadian semula jadi dan tersusun dalam bentuk kronologi di mana pada masa yang sama, peristiwa-peristiwa masa lalu itu mempunyai catatan, rekod-rekod atau bukti-bukti yang kukuh.

Seorang ahli sejarah berperanan meninjau masa lampau dan mencatat peristiwa-peristiwa sejarah. Malah, mereka cuba mengemukakan beberapa pola tingkah laku politik yang pernah terjadi pada masa dahulu. Namun, berlainan pula dengan ahli sains politik yang pada waktu melihat sesuatu peristiwa, mereka cuba membuat ramalan tentangnya. Sumbangan pengkajian sejarah pastinya membantu ahli sains politik untuk menyedari pelbagai kemungkinan yang wujud pada masa hadapan. Sejarah politik pula sebagai suatu kajian mengenai aktiviti sejarah pengalaman masyarakat manusia yang dinamis dan mempunyai hubungan langsung dengan aspek organisasi masyarakat yang dimaksudkan.

Ilmu falsafah mempengaruhi perbincangan ilmu politik. Dari sudut etimologi, *philosophia* adalah cinta akan kebijaksanaan atau pengetahuan yang benar. Ilmu falsafah ialah ilmu yang menyelidik segala sesuatu dengan mendalam mengenai ketuhanan, manusia dan alam semesta sehingga dapat menghasilkan pengetahuan tentang bagaimana sikap manusia seharusnya untuk menguasai pengetahuan itu. Sains politik mempunyai pertalian yang erat dengan falsafah politik. Bidang falsafah merupakan kajian yang dibuat secara sistematik dan rasional dalam mencari jawapan bagi persoalan-persoalan berkaitan dengan alam semesta dan kehidupan manusia. Bidang falsafah juga membahaskan persoalan antara nilai-nilai baik dengan yang buruk serta memberikan pedoman kepada manusia dan menetapkan sikap dan tingkah laku yang perlu ada pada setiap diri individu demi meneruskan kelangsungan hidup dalam kalangan masyarakat.

Bagi ilmu sosiologi dan ilmu politik, kedua-duanya adalah ilmu yang berusaha mengupas keadaan yang berlaku dalam masyarakat. Menurut Pitirim Sorokin, sosiologi adalah ilmu yang mempelajari

hubungan dan pengaruh timbal balik antara gejala sosial dengan gejala non-sosial. Comte menyatakan sosiologi sebagai sains fisik yang banyak melakukan eksperimentasi politik terutama perubahan dalam kehidupan bernegara sama ada secara sadar atau tidak. Max Weber berpendapat bahawa sosiologi adalah ilmu yang berupaya memahami tindakan-tindakan sosial. Sedangkan William Kornblum mengatakan sosiologi suatu upaya ilmiah untuk mempelajari masyarakat dan perilaku sosial anggotanya dan menjadikan masyarakat yang bersangkutan dalam pelbagai kelompok dan keadaan.

Sosiologi sememangnya banyak memberi pengaruh terhadap ilmu politik terutama dalam menganalisis latar belakang, susunan dan pola kehidupan sosial dari pelbagai golongan dan kelompok masyarakat pada prasarana politik. Sosiologi berpendapat dengan sains politik yang mengatakan negara dianggap baik sebagai *asosiasi* mahupun sistem pengendalian. Teori-teori sosiologi banyak digunakan ahli sains politik untuk menerangkan fenomena politik, terutamanya berkaitan dengan mengapa manusia mengambil tindakan sedemikian. Sosiologi lebih tertumpu kepada perkembangan ekonomi dan teknologi moden serta mengetahui sejauh mana susunan dan stratifikasi sosial mempengaruhi ataupun dipengaruhi oleh kebijaksanaan (*policy decision*), corak dan sifat keabsahan politik (*policy legitimacy*), sumber-sumber kekuasaan politik (*source of political authority*), pengendalian sosial (*social control*) dan perubahan sosial (*social change*).

Ilmu antropologi berkaitan dengan ilmu politik. Antropologi berasal dari perkataan Yunani iaitu *antropo* yang bermaksud manusia dan *logi* atau *logos* iaitu ilmu yang mempelajari tentang manusia. Ralfh L. Beals dan Harry Hoijen berpendapat antropologi adalah ilmu mempelajari manusia dan semua apa yang dikerjakan. David Hunter, mendefinisikan antropologi sebagai ilmu yang lahir dari sifat ingin tahu yang tidak terbatas tentang manusia. Koentjaraningrat mengatakan ilmu yang mempelajari mengenai manusia berkenaan aneka warna, bentuk fizik masyarakat serta kebudayaan yang dihasilkan.

Secara umumnya, bidang antropologi digunakan secara berkesan bagi mengemukakan teori mengenai asal usul negara. Konflik sosial antara subkumpulan yang mempunyai kepentingan berbeza secara evolusi mewujudkan sebuah negara. Ilmu politik dan antropologi saling bergantung antara satu sama lain. Istilah seperti *retivisme budaya*, *evolusi sosial* dan *akulturasi*, merupakan konsep-konsep antropologi yang digunakan ahli sains politik. Malahan, istilah-istilah teori politik digunakan secara umum dalam antropologi. Antara perkara yang mendapat perhatian ahli antropologi ialah persoalan kebudayaan seperti agama, kumpulan etnik, corak kekeluargaan dan pemegangan sesuatu nilai. Malah, institusi masyarakat dan kebudayaan di desa, kawasan pendalaman dan juga kelompok-kelompok kecil diberi perhatian ahli antropologi. Kamarudin, M. A. (1999) menitikberatkan soal penaungan dalam disiplin antropologi kerana berkait rapat dengan unsur kuasa. Dengan itu, ahli sains politik dapat memahami keadaan masyarakat terutama di negara-negara membangun termasuklah yang berkait rapat dengan modenisasi, demokrasi, kolonialisme, nasionalisme dan lain-lain.

Ilmu ekonomi pula mempunyai teori ruang lingkup serta kaedah relatif yang ketat dan terperinci yang digunakan untuk menyusun perhitungan. Oleh kerana pemikirannya berpunca daripada faktor kekurangan, maka menyebabkan ilmu ekonomi berorientasi kuat terhadap kebijaksanaan yang rasional, khasnya hubungan antara tujuan dan cara untuk mencapai tujuan yang ditetapkan. Ekonomi merupakan satu ilmu yang mengkaji tingkah laku manusia secara individu dan secara berkelompok menggunakan sumber ekonomi atau faktor-faktor pengeluaran yang terhad untuk mengeluarkan barang dan perkhidmatan bagi memenuhi kehendak manusia yang tidak terbatas. Disebabkan pemikirannya yang berasal daripada faktor kekurangan, ia memaksa ilmu ekonomi berikhtiar lebih banyak ke arah ramalan berdasarkan perhitungan yang saksama. Seseengah pengetahuan tentang bidang ekonomi menjadi suatu bahagian yang penting dalam pembelajaran dan penyelidikan sains politik. Penggunaan pendekatan tingkah laku dalam menganalisis masalah-masalah politik membantu ilmu politik

dalam pengambilan keputusan terutama yang berkaitan dengan pembangunan ekonomi nasional.

Psikologi sosial adalah pengkhususan psikologi yang mempelajari hubungan timbal balik antara manusia dan masyarakat, khususnya faktor-faktor yang mendorong manusia untuk berperanan dalam ikatan kelompok atau golongan. Sedangkan ilmu politik pula mempelajari aspek tingkah laku masyarakat umum. Fahaman tentang psikologi sosial membantu ahli sains politik untuk menganalisis nilai-nilai budaya yang dapat melahirkan tingkah laku yang stabil. Selain itu, ia menjelaskan gejala-gejala politik dan motif-motif politik yang menjadi dasar setiap proses politik dan membantu dalam menganalisis tentang siapa yang paling berkuasa dalam proses politik. Malah melalui ilmu psikologi sosial, ahli sains politik dapat mengetahui tentang pengaruh pemimpin informal dalam pembuatan keputusan politik dan sikap masyarakat terhadap hal-hal yang baharu dan bagaimana situasi yang ada.

Depdikbud mengatakan geografi merupakan suatu ilmu tentang permukaan bumi, iklim, penduduk, flora, fauna serta hasil yang diperoleh dari bumi. Setiyono Herioso mendefinisikan geografi sebagai suatu ilmu yang mempelajari ilmu timbal balik antara manusia dengan lingkungannya dan merujuk pada pola persebaran *horizontal* di permukaan bumi. Ferdinand von Richthoven yang menyatakan geografi adalah ilmu yang mempelajari gejala dan sifat permukaan bumi dan penduduknya, disusun menurut letaknya, menerangkan baik tentang terdapatnya gejala-gejala dan sifat-sifat itu. Manakala, Claudius Ptolemous mendefinisikan geografi sebagai suatu penyajian dengan peta dan sebahagian permukaan bumi yang menunjukkan kenampakan umum yang terdapat padanya. Pada abad ke-19, Rudolf Kjellen dari Sweden menulis karya *The State as an Organism* menjelaskan betapa pentingnya faktor persekitaran seperti ciri-ciri geografi dan sumber-sumber ekonomi mempengaruhi rupa bentuk sistem politik sesebuah negara. Pengkajian geografi mengkaji hubungan manusia dengan alam sekelilingnya. Ia membincangkan soal kependudukan yang kemudiannya mengakibatkan wujudnya sesebuah negara dan peranan alam sekitar terhadap manusia juga turut diberi perhatian.

**TEGAR MERDEKHA:  
NARATIF POLITIK DAN BANGSA**

Satu fahaman yang mendalam tentang geografi akan membantu ahli sains politik dalam bidang geopolitik. Contohnya, perlumbaan senjata jenis peluru berpandu nuklear dalam kalangan kuasa besar berkait rapat dengan geografi. Tuntasnya, sains politik memerlukan disiplin geografi untuk memahami perkembangan peristiwa dan fenomena politik.

Dalam memahami sains politik, pemahaman sangat berhubungan dengan undang-undang. Ini kerana kehidupan bernegara sering dikaitkan dengan undang-undang yang mengawal perjalanan negara tersebut. Jean Bodin (1530-1596) melalui teori kedaulatan mengandaikan betapa negara perlu untuk memiliki autoriti bagi membuat undang-undang. Bodin juga melihat undang-undang sesuatu yang menyeluruh dan tidak boleh dipisahkan. Di Perancis, wujud sekolah undang-undang yang dikenali sebagai undang-undang perlembagaan.

# PEMBINAAN NEGARA BERDASARKAN TEORI

**M**enurut Kamus Dewan Edisi Keempat, negara bermaksud suatu masyarakat yang menduduki kawasan tertentu dan diperintah oleh sebuah kerajaan. Secara umumnya definisi negara boleh dikatakan sebagai “sekumpulan manusia yang menduduki sesebuah wilayah yang tetap di bawah penyelenggaraan kerajaan dan tidak tertakluk kepada kuasa luar”. Menurut Aristotle, manusia ialah “haiwan yang bersosial dan mereka hidup secara berkumpulan”. Robert A. Dahl mendefinisikan negara ialah “satu sistem politik yang didirikan oleh orang yang bermastautin dalam sebuah wilayah dan mempunyai kerajaan yang memerintah wilayah tersebut”. Matlamat dalam pembinaan negara adalah tidak terbatas. Jika diselidiki dengan teliti, kewujudan negara sememangnya menjamin kesejahteraan hidup. Hal ini berlaku kerana ia adalah kehendak naluri manusia.

## Teori Kewujudan Negara

Menurut Machiavelli, negara merujuk kepada perkataan estate, iaitu sebuah kerajaan tetapi bukan komuniti atau masyarakat berpolitik yang besar. J. S Mill menyatakan bahawa negara tidak dapat menghalang orang dewasa berfikiran normal melakukan sesuatu pekerjaan selagi ia adalah kehendaknya. Dengan wujudnya negara maka manusia mulai menyedari akan pentingnya peraturan dan penguatkuasaan. Pelbagai teori muncul berhubung kewujudan negara. Walaupun kebanyakan teori hanya bersifat spekulatif, namun ia tetap memberi sumbangan ke arah pemahaman latar belakang sejarah. Terdapat lima teori kewujudan negara. Antara teori tersebut ialah teori kudus atau teori ketuhanan (*theory of divine right*), teori patriarkal dan matriarkal (*patriarchal and matriarchia theories*), teori kontrak sosial atau perjanjian masyarakat (*theory of social contract*), teori paksaan (*theory of force*), teori sejarah atau evolusi (*historical or evolutionary theory*).

Teori ketuhanan bersesuaian dengan negara yang mengamalkan pemerintahan beraja. Terdapat empat kepercayaan menerusi teori ini iaitu Tuhan telah mencurahi rahmat ke atas manusia dengan mengilhamkan negara. Hal ini kerana hanya negara sahaja yang dapat menghindarkan rakyat daripada melakukan kehidupan yang bertentangan dengan peraturan alam. Raja yang dilantik oleh Tuhan hanya bertanggungjawab kepada Tuhan dan tidak kepada orang lain. Ini bermaksud bahawa rakyat perlulah patuh dengan setiap yang dikehendaki oleh raja. Jika mereka tidak patuh maka dianggap menderhaka kepada raja, Raja serta negara dipercayai memperoleh kekuatan dan kewibawaannya daripada Tuhan. Hal ini kerana walaupun melakukan penindasan ke atas rakyat, namun kedudukan mereka tetap bertahan dan mereka dipertanggungjawabkan oleh Tuhan.

Teori ini menjadikan corak pemerintahan raja lama. Misalnya, dinasti Shah Iran iaitu Shah Reza Pahlavi yang menegaskan bahawa beliau adalah waris Iskandar Zulkarnain. Teori ini menegaskan kesetiaan kepada negara adalah ibarat agama. Agama adalah suci maka negara juga suci yang dihormati dan disanjung

## PEMBINAAN NEGARA BERDASARKAN TEORI

tinggi. Walaupun begitu, teori ini dianggap sebagai ketinggalan zaman kerana tidak mengikuti peredaran sains dan teknologi. Tambahan lagi, teori ini meyakini kepercayaan bahawa seseorang itu lebih suci berbanding orang lain yang mempunyai kuasa luar biasa serta menghalalkan segala tindakan yang zalim. Teori ini dikritik memandangkan setiap individu mempunyai kuasa atau nasib mereka sendiri. Selain itu, hanya segelintir raja sahaja yang melaksanakan tugas dengan adil dan saksama serta bertentangan dengan demokrasi. Sungguhpun teori ini kehilangan pengaruh kerana dikritik golongan yang mempopularkan perjanjian rakyat tetapi ia masih digunakan di sesetengah negara.

Keluarga merupakan institusi dan unit sosial yang paling utama berkait rapat dengan teori patriarkal. Menurut R.M MacIver, institusi keluarga memperkenalkan segala peraturan dan pengawalan. Manakala A.C Kapur berpendapat institusi keluarga dan peraturan yang diperkenalkan seorang bapa kepada keluarga sama seperti perkara yang dilaksanakan negara terhadap rakyatnya. Keluarga dianggap sebagai unit asas sesebuah masyarakat manakala puak sebagai gabungan beberapa puak keluarga. Menurut Aristotle, negara wujud akibat perkembangan kumpulan manusia yang mempunyai pertalian darah.

Gabungan ini mewujudkan institusi kampung dan dimajukan menjadi negara. Kaum lelaki dijadikan pakar rujuk dan keputusan dianggap sah dan mengikat semua anggota masyarakat. Melalui teori ini, ia memajukan tiga sifat asas iaitu salasilah negara boleh dikesan melalui sistem keluarga di mana ketuanya adalah lelaki. Semua rakyat daripada satu rumpun dan memegang satu nilai yang sama iaitu mempunyai pertalian bangsa serta nilai yang sama. Ketua keluarga diyakini untuk memimpin negara dan orang yang diiktiraf sebagai bapa negara diyakini untuk memimpin negara. Negara Rusia semasa pemerintahan komunis memanggil negaranya sebagai *fatherland*, iaitu negara yang mempunyai unsur kekeluargaan dan ketua negara dianggap sebagai bapa negara. Teori ini juga dikritik kerana tiada negara yang muncul berdasarkan asal-usul pertalian darah.

Teori matriarkal menganggap ketua negara ialah ibu bukannya bapa. Ia berlaku terutama apabila wanita memainkan peranan penting dalam menjamin kesinambungan generasi. Selain itu, wanita memainkan peranan penting dalam rumah tangga dan kemudiannya melahirkan negara. Ia digunakan sebagai tanda kesetiaan kepada negara seperti ibu pertiwi (*motherland*) atau negara ibunda. Sungguhpun begitu, teori ini dikritik kerana kebanyakan masyarakat mengutamakan lelaki sebagai tampuk pemerintahan dan corak kehidupan hidup berkeluarga berbeza antara sesebuah negara.

Teori Perjanjian Masyarakat diperkenalkan tiga orang tokoh iaitu Thomas Hobbes, John Locke dan Jean Jacques Rousseau. Teori ini mengandaikan negara wujud kerana manusia sedar mereka perlu hidup bermasyarakat. Melalui kesedaran ini, manusia mengadakan perjanjian bagi menjamin kesejahteraan hidup dan membentuk negara berdasarkan perjanjian. Melalui teori ini, sejarah manusia terbahagi kepada dua fasa. Fasa pertama ialah keadaan semula jadi dan fasa kedua ialah bermula apabila manusia menyedari ketidaksempurnaan hidup tanpa negara.

Menurut Thomas Hobbes, corak pemerintahan yang dikendalikan rakyat adalah kurang berkesan terutama dalam hal menjamin kesejahteraan. Ia mengandaikan bahawa manusia sanggup menyerahkan semua kuasa peribadi mereka kepada seseorang yang berkecuali ataupun orang ketiga yang dilantik mereka. Berbeza dengan John Locke, yang berpendapat bahawa kuasa dan kewibawaan keluarga raja bukan wujud secara semula jadi tetapi diamanahkan rakyat dan tanpa rakyat kewibawaan tidak akan wujud. Manakala kewujudan undang-undang untuk menjaga harta rakyat agar tidak dirampas mana-mana pihak.

C. C Rodee berpendapat negara diwujudkan golongan yang kuat untuk menjaga kepentingan peribadi dan mengesahkan kuasa mutlak negara dengan mengakui kuasa itu kudrat. Teori ini berkait rapat dengan teori paksaan. Selain itu, manusia suka hidup berkelompok dan menguasai pihak yang lemah. Hanya orang yang kuat dapat menjamin. Kesejahteraan dan ketertiban rakyat.

Hobbes menyatakan rakyat perlu mewujudkan satu lembaga yang kuat untuk menjamin keselamatan.

Implikasi teori penguasaan kuasa ini untuk mewujudkan negara diiktiraf sebagai sah dari segi sejarah. Kenyataan bahawa sesebuah negara itu wujud sebagai penguasaan kuasa dan penaklukan. Penggunaan kuasa mutlak perlu untuk mengekalkan negara adalah sah. Penggunaan kuasa dan perluasan kuasa di dalam dan di luar negara adalah sah dan sebab itulah negara diwujudkan.

Teori evolusi berpendapat bahawa negara bukan diciptakan Tuhan tetapi wujud kerana penggunaan kuasa mutlak. Ia dicipta untuk memenuhi segala keperluan manusia. Terdapat tujuh faktor dalam menyatupadukan manusia supaya mewujudkan negara iaitu pertalian darah, agama, menjaga kepentingan wilayah, ideologi, kegiatan ekonomi, kuasa dan penjajahan dan kesedaran politik. Bagi negara yang mempunyai pertalian darah seperti England dan Perancis atau Malaysia dan Indonesia, mereka menggunakan satu bahasa ibunda. Kajian antropologi menunjukkan bahawa bahasa dan bangsa mempunyai perkaitan yang rapat. Apabila anggota puak bertambah, maka mereka berusaha menjaga kepentingan dari segi bahasa, bangsa, agama dan ekonomi.

Kesimpulannya, kebanyakan teori asal usul negara sangat mempengaruhi dalam pembinaan negara. Namun begitu, teori sejarah atau lebih dikenali evolusi lebih diterima, Ini kerana ia menyatakan bukti berdasarkan saintifik, sejarah, sosiologi dan antropologi. Bukan itu sahaja, teori evolusi menerima hakikat bahawa negara mendapat kedaulatan hasil daripada rakyat.

### **Konsep Negara Berkeadilan**

Negara berkeadilan menurut perspektif Barat atau dikenali sebagai *welfare state*. Ia merupakan sebuah konsep kerajaan yang mana kerajaan memainkan peranan penting dalam menjaga dan memberikan perlindungan kepada rakyat. Ia mempromosikan ekonomi dan menyelia keadaan sosial serta kesejahteraan rakyat yang berada di bawah kekuasaannya. Selain itu, ia mengamalkan

prinsip-prinsip kesamarataan peluang, pengagihan kekayaan yang saksama dan tanggungjawab am bagi mereka yang tidak dapat memanfaatkan peruntukan minimum untuk kehidupan yang baik.

Negara berkebajikan biasanya merujuk kepada model yang lengkap peruntukan di mana negeri itu menerima tanggungjawab bagi penyediaan kebajikan yang menyeluruh dan sejagat untuk rakyat. Pandangan umum terhadap negara berkebajikan ialah pihak kerajaan menyediakan kemudahan untuk rakyat. Untuk program sebegini, kebiasaannya dana kerajaan diperolehi melalui cukai dan dirujuk sebagai sejenis ekonomi campuran.

Negara kebajikan moden seperti Norway dan Denmark menggunakan sistem yang dikenali sebagai model Nordic yang merupakan sebahagian model ekonomi dan sosial sendiri yang kadangkala mempunyai perbezaan dengan negara lain. Dengan kata lain, negara berkebajikan merupakan sistem yang melibatkan pemindahan langsung dana negara kepada rakyat dalam perkhidmatan utama kerajaan seperti penjagaan kesihatan, pendidikan, keselamatan serta kehidupan sosial lain.

Bagi negara berkebajikan seperti di Eropah Barat dan Scandinavia, perlindungan sosial tidak hanya diberikan pihak kerajaan semata-mata tetapi beberapa badan lain termasuklah perkhidmatan awam bebas, sukarela dan autonomi. Deborah Mitchell mengenal pasti lima pendekatan utama dalam melakukan perbandingan tentang sistem kebajikan. Pertama ialah perbandingan dasar iaitu berkaitan dengan tindakan yang diambil. Flora dan Heiden yang mengkaji perkembangan sejarah kebajikan di Eropah dan Amerika mendapati kebajikan di negara-negara yang berbeza sering terjadi pada garisan yang sama. Kedua ialah perbandingan input di mana sumber yang masuk ke dalam peruntukan kebajikan.

Wilensky mendapati perbelanjaan kebajikan merupakan penentu utama kepada sistem dan struktur penduduk. Ketiga ialah perbandingan pengeluaran, apabila negeri-negeri yang berbeza mengendalikan pelbagai jenis peraturan dan struktur yang berbeza. Hal ini berdasarkan kebergantungan kerajaan terhadap keperluan

dan kehendak mereka apabila melaksanakan sesuatu dasar dan undang-undang. Keempat ialah membandingkan perkhidmatan dilakukan dengan mengambil kira perkhidmatan terperinci terhadap perkara yang dilakukan dan cara mereka mendapat upah daripada kerajaan. Kelima ialah perbandingan hasil yang dijalankan dengan melihat kepada dasar dan tindakan yang diambil kerajaan pemerintah adalah sama, seimbang dan setimpal dengan apa yang diperoleh rakyat.

Menurut Hadi Awang negara berkebijakan mempunyai perbezaan dengan konsep *welfare state*. Ini kerana dalam Islam, negara berkebijakan mempunyai beberapa ciri iaitu mencakupi urusan hubungan manusia sesama manusia secara adil serta hubungan manusia dengan Tuhannya. Negara berkebijakan mesti selari dengan intipati al-Quran dan al-Sunnah. Pemimpin dan negara perlu melaksanakan kebajikan serta mempunyai kekuatan untuk mentadbir dan mengurus selain mengamalkan amar makruf nahi mungkar. Dalam pada itu, rakyat dan pemerintah berlumba-lumba melakukan kebajikan di mana budaya memberi dan menyumbang mengatasi budaya menerima atau meminta.

Kesimpulannya, negara kebajikan merupakan sebuah negara yang menjaga kebajikan rakyat yang bernaung di bawah kekuasaannya. Namun demikian konsep dan definisi negara kebajikan bergantung kepada pemerintah dalam sesebuah negara. Ia secara khusus bertujuan meningkatkan autonomi individu, memastikan peruntukan sejagat hak asasi manusia dan menstabilkan ekonomi. Ia dibezakan daripada negara-negara kebajikan lain dengan matlamat yang sama dengan penekanan terhadap memaksimumkan penyertaan tenaga buruh, mempromosikan kesaksamaan gender, faedah yang diperoleh adalah secara adil dan meluas, pengagihan dan penggunaan umum dasar fiskal yang mengembang. Pemerintah boleh membezakan negara kebajikan yang diamalkan mereka berdasarkan prinsip-prinsip yang dinyatakan di atas.

# Tegar **MERDEKHA** Naratif Politik dan Bangsa

Buku ini ditulis dengan mengetengahkan isu-isu serta topik-topik relevan untuk dijadikan bahan bacaan dan rujukan pelajar serta masyarakat umum yang menyintai dan kasih kepada Negara Malaysia. Diharapkan buku ini dapat memberi manfaat kepada semua pembaca dan diterima oleh Allah S.W.T sebagai amal jariah.

## **BIODATA PENULIS**



**KU HASNAN BIN KU HALIM** merupakan anak kelahiran Langkawi, Kedah Darul Aman. Beliau berpengalaman di dalam bidang pendidikan sejak tahun 2000. Pernah bertugas sebagai Guru di Program Matrikulasi Kementerian Pendidikan Malaysia. Berkelulusan di dalam bidang Sarjana Sains Politik. Beliau sedang menyiapkan Tesis Pengajian Doktor Falsafahnya (Ph.D) di dalam Bidang Sosiologi Politik di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM). Merupakan Pensyarah Kanan semenjak tahun 2012 di Jabatan Sains Sosial, Pusat Pengajian Umum UTHM.

Pernah terbabit sebagai Penceramah Berkala Jemputan untuk bidang Politik dan Kenegaraan serta bidang Integriti serta isu Keselamatan Negara di bawah Biro Tatanegara (BTN) dan Institut Integriti Malaysia (IIM) kepada agensi agensi serta badan berkanun kerajaan. Beliau juga merupakan Ahli Bertauliah AKRAB Malaysia peringkat Kebangsaan. Pernah terlibat sebagai Penceramah Jemputan untuk Program Latihan Khidmat Negara Kementerian Pertahanan Malaysia. Beliau juga pernah muncul di kaca TV seperti Rancangan Bual Bicara BERNAMA, Rancangan Ruangan Pendapat Astro Awani dan Tetamu Jemputan Astro Oasis. Agak kerap juga menulis di surat Khabar Berita Harian, Utusan Malaysia dan Sinar Harian.



ISBN 978-629-490-143-8



9 786294 901438

0 6 0 0 0

**PENERBIT  
UTHM**

